



PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI
TINGKAT 9, 10 & 15, MENARA PELITA
JALAN TUN ABDUL RAHMAN YA'AKUB
PETRA JAYA
93050 KUCHING
SARAWAK

Telefon : 082-313542
Faks : 082-313025
Laman Web: <https://sfs.sarawak.gov.my>

Ruj. Kami : SFS/01742/10

Tarikh : 6 Februari 2024

SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI BIL.2/2024

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Ketua Jabatan Sarawak

Semua Residen Bahagian

Semua Ketua Badan Berkanun Sarawak

Semua Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak

SKIM PINJAMAN PERUMAHAN PEGAWAI AWAM SARAWAK (PINDAAN 2024)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman, Kerajaan Sarawak telah menambahbaik kemudahan di bawah Skim Pinjaman Perumahan Pegawai Awam Sarawak. Di antara perkara utama yang ditambahbaik adalah seperti berikut:

- (i) Amaun Kelayakan Pinjaman Perumahan;
- (ii) Tempoh Bayaran Balik;
- (iii) Pinjaman Bersama (*Joint Loan*);
- (iv) Pengecualian Kadar Faedah Sebanyak 3% Bagi Projek Terbengkalai; dan
- (v) Penangguhan Bayaran Balik.

3. Butiran lengkap Skim Pinjaman Perumahan Pegawai Awam Sarawak adalah seperti di **Lampiran A** dan hendaklah dibaca bersama Surat Pekeliling ini.

4. Sehubungan itu, Surat Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan dan Surat-Surat Pekeliling berikut adalah dibatalkan:


Bil.	<i>State Financial Secretary's Office Circular/ State Financial Secretary's Circular Memorandum</i>	Rujukan	Tarikh
1.	<i>Government Officers' Building Loans Scheme</i>	No.1/1973	8.1.1973
2.	<i>Housing Loan Applications</i>	No.4/1973	23.8.1973
3.	<i>Government Officers' Building Loans Scheme</i>	No.4/1974	1.3.1974
4.	<i>Government Officers' Building Loans Scheme: Increase in Interest Rates</i>	No.1/1975	21.4.1975
5.	<i>Prior Commitments by Housing Loan Applicants</i>	No.3/1975	9.9.1975
6.	<i>Government Officers' Building Loans Scheme: Sale and Renting of Property</i>	No.1/1976	4.5.1976
7.	<i>Government Officers' Building Loans Scheme</i>	No.2/1976	26.10.1976
8.	<i>Housing Loan Scheme: Employees of Statutory Bodies and Local Councils</i>	SFS/00021/6	20.6.1990
9.	<i>Government Officers' Housing Loan Scheme (Amendments) 2013</i>	No.5/2013	23.8.2013
10.	<i>Government Officers' Islamic Financing Housing Loan Scheme 2018</i>	No.3/2018	7.7.2018

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling ini pada keseluruhannya juga dipanjangkan kepada semua Badan Berkanun Sarawak dan Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak.

Sekian, terima kasih.

“BERSATU BERUSAHA BERBAKTI”

“AN HONOUR TO SERVE”



(DATO SRI DR. WAN LIZOZMAN BIN WAN OMAR)
Setiausaha Kewangan Negeri
Sarawak

KANDUNGAN	MUKA SURAT
1. PENDAHULUAN	1
2. SYARAT KELAYAKAN	1
3. KATEGORI PINJAMAN PERUMAHAN	2
4. BILANGAN PINJAMAN	2
5. TUJUAN PINJAMAN PERUMAHAN	3
6. AMAUN KELAYAKAN	5
7. KADAR FAEDAH DAN SUBSIDI	6
8. PERLINDUNGAN INSURANS	7
9. TEMPOH BAYARAN BALIK	8
10. KAEDAH BAYARAN BALIK	8
11. PENANGGUHAN BAYARAN BALIK	8
12. KEMUNGKIRAN PERJANJIAN, PELETAKAN JAWATAN DAN PEMECATAN	9
13. KEMATIAN PEMINJAM	9
14. MENJUAL RUMAH KEDIAMAN	10
15. TANGGUNGJAWAB PEMOHON	10
16. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN	11
17. TANGGUNGJAWAB BHMFB	11
18. KUASA SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI	11

SKIM PINJAMAN PERUMAHAN PEGAWAI AWAM SARAWAK (PINDAAN 2024)**1. PENDAHULUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Skim Pinjaman Perumahan yang ditawarkan oleh Sarawak kepada pegawai awam dalam Perkhidmatan Awam Sarawak.
- 1.2 Skim Pinjaman Perumahan Pegawai Awam Sarawak ini ditawarkan melalui Borneo Housing Mortgage Finance Bhd. (BHMFB) sahaja.
- 1.3 Selain daripada itu, pegawai awam Sarawak yang layak juga boleh memohon pinjaman perumahan melalui Mutiara Mortgage & Credit Sdn. Bhd. (MMCSB) mengikut skim-skim perumahan yang ditawarkan oleh syarikat tersebut. Walau bagaimanapun, tawaran pinjaman perumahan melalui MMCSB adalah tidak tertakluk di bawah Skim ini.

2. SYARAT KELAYAKAN

Skim ini ditawarkan kepada pegawai awam Sarawak yang memenuhi kelayakan seperti berikut:

- 2.1 Warganegara Malaysia.
- 2.2 Pegawai Lantikan Tetap atau Jawatan Berasaskan Caruman (JBC) yang telah disahkan dalam jawatan.
- 2.3 Pegawai Kontrak Jangka Panjang hingga umur persaraan wajib (*contract of service*) mengikut terma dan syarat kontrak pelantikan mereka.
- 2.4 Bebas daripada tindakan tatatertib dan bukan seorang yang bankrap.
- 2.5 Pinjaman Bersama (*Joint Loan*) tertakluk kepada syarat- syarat berikut:
 - (i) Pemohon Pinjaman Bersama terdiri daripada:
 - a. suami dan isteri;
 - b. ibu dan anak kandung;
 - c. bapa dan anak kandung; atau
 - d. ibu, bapa dan anak kandung.
 - (ii) Sekurang-kurangnya seorang daripada pemohon Pinjaman Bersama berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Sarawak, Badan Berkanun Sarawak atau Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak.

- (iii) Kerajaan Sarawak hanya menanggung subsidi faedah pinjaman perumahan bagi pemohon yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Sarawak sahaja.
 - (iv) Subsidi faedah pinjaman perumahan bagi pasangan/bapa/ibu/anak kandung yang berkhidmat dalam Badan Berkanun Sarawak dan Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak adalah tertakluk kepada kelulusan majikan masing-masing.
 - (v) Pemohon yang bukan kakitangan sektor awam adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh BHMFB.
 - (vi) Pemohon Pinjaman Bersama adalah pemilik-pemilik berdaftar hartanah.
 - (vii) Permohonan hanya dibenarkan bagi tujuan pinjaman pada perenggan 5.1, 5.2, 5.3, 5.6 dan 5.7 sahaja.
 - (viii) Para pemohon hendaklah mengemukakan permohonan pinjaman perumahan melalui majikan kepada BHMFB secara individu dan menyatakan amaun pinjaman masing-masing.
- 2.6 Pegawai yang akan bersara dalam tempoh dua (2) tahun sewaktu permohonan dibuat adalah tidak layak.

3. KATEGORI PINJAMAN PERUMAHAN

Terdapat dua kategori pinjaman perumahan yang ditawarkan iaitu:

- 3.1 *Conventional Housing Loan*; dan
- 3.2 *Tawarruq Home Financing-i*.

4. BILANGAN PINJAMAN

Di sepanjang tempoh perkhidmatan, pemohon dibenarkan membuat pinjaman perumahan lebih daripada sekali (1) tertakluk kepada:

- 4.1 Bilangan pinjaman perumahan terhad kepada dua (2) hartanah di Sarawak termasuk hartanah yang telah ditebus pinjamannya; dan
- 4.2 Amaun kelayakan semasa pinjaman pemohon.

5. TUJUAN PINJAMAN PERUMAHAN

Pinjaman perumahan ditawarkan adalah untuk tujuan berikut:

- 5.1 Pembelian rumah kediaman atau rumah kediaman di bawah hak milik strata yang sedang dibina atau yang telah siap. Amaun pinjaman boleh merangkumi kos pengubahsuaian tertakluk kepada syarat-syarat pada perenggan 5.6.
- 5.2 Pembelian *subsale* melibatkan rumah kediaman atau rumah kediaman di bawah hak milik strata. Amaun pinjaman boleh merangkumi kos pengubahsuaian tertakluk kepada syarat-syarat pada perenggan 5.6.
- 5.3 Pembinaan atau membina semula rumah kediaman di atas tanah yang dimiliki oleh pemohon dan berstatus *residential land*.
- 5.4 Menyelesaikan baki pinjaman perumahan sedia ada daripada institusi kewangan.
- 5.5 Mengambil alih baki Pinjaman Bersama (*Joint Loan*) sedia ada tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (i) Mengambil alih bahagian atau syer hartanah daripada mana-mana peminjam bersama melalui surat kebenaran berkaitan pemindahan bahagian atau syer hartanah terbabit; dan
 - (ii) Jumlah baki pinjaman yang akan diambil alih adalah tertakluk kepada baki amaun kelayakan pemohon. Sekiranya baki pinjaman melebihi baki amaun kelayakan pemohon, pemohon hendaklah terlebih dahulu menyelesaikan perbezaan antara kelayakan dan baki pinjaman berkaitan.
- 5.6 Pengubahsuaian rumah kediaman tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (i) Rumah adalah dimiliki oleh pemohon;
 - (ii) Pemohon hendaklah memastikan tiada tunggakan bayaran balik pinjaman perumahan di BHMFB;
 - (iii) Sekiranya rumah yang dimiliki bukan di bawah pinjaman perumahan BHMFB, pemohon hendaklah menyelesaikan pinjaman perumahan di institusi kewangan terbabit;
 - (iv) Sekiranya pengubahsuaian melibatkan perubahan ruang dan struktur rumah, pelan pengubahsuaian hendaklah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan; dan

(v) Pinjaman yang melibatkan pengubahsuaian TIDAK boleh digunakan untuk perkara-perkara berikut:-

- a. Kerja-kerja awalan:
 - i. Kos Perunding
 - ii. Kos Guaman
 - iii. Kos Pihak Berkuasa Tempatan
 - iv. Kos penyediaan pelan
 - v. Insurans bangunan dan pekerja
- b. Aksesori/Peralatan:
 - i. Bukan lekapan (*non-fixtures*)
 - ii. Peralatan Komunikasi dan Teknologi
 - iii. Barangan elektrik
 - iv. Aksesori rumah
- c. Kerja-kerja landskap termasuk:
 - i. Kolam renang
 - ii. Kolam ikan
 - iii. Gazebo
 - iv. Rumput

5.7 Pembelian tanah berstatus *residential land* untuk pembinaan rumah kediaman:

- (i) Permohonan bagi tujuan ini hendaklah atas sebab-sebab khas seperti:
 - a. Tanah berstatus *residential land* sedia ada telah diambil alih oleh Kerajaan; atau
 - b. Tanah berstatus *residential land* sedia ada hilang atau susut akibat bencana alam seperti tanah runtuh, hakisan dan banjir.
- (ii) Amaun kelayakan tidak melebihi 50% daripada kelayakan maksimum semasa. Walau bagaimanapun, amaun pinjaman masih tertakluk kepada baki amaun kelayakan jika ia bukan pinjaman pertama.

- (iii) Tertakluk kepada kelulusan daripada Setiausaha Kerajaan Sarawak atas nasihat Peguam Besar Negeri dan Setiausaha Kewangan Negeri.

5.8 Pertukaran kategori pinjaman perumahan daripada *Conventional Housing Loan* kepada *Tawarruq Home Financing-i* berdasarkan syarat-syarat berikut:

- (i) Pinjaman perumahan konvensional sedia ada telah diluluskan sebelum atau pada 31 Disember 2017; dan
- (ii) *Tawarruq Home Financing-i* adalah terhad kepada baki pinjaman perumahan konvensional sahaja.

6. AMAUN KELAYAKAN

6.1 Amaun kelayakan pinjaman perumahan adalah berdasarkan jadual berikut:

PENDAPATAN BERSIH (RM)	KELAYAKAN MAKSIMUM (RM)
6,500 dan ke atas	750,000
6,000	720,000
5,700	680,000
5,500	650,000
5,000	600,000
4,700	560,000
4,500	540,000
4,300	510,000
4,000	470,000
3,800	450,000
3,500	420,000
2,900	340,000
2,300	270,000
Sehingga 1,700	200,000

6.2 Amaun pinjaman boleh merangkumi harga hartanah, kos pengubahsuaian, kos insurans (kecuali kos insurans kebakaran bagi *Conventional Housing Loan*), kos guaman dan/atau duti setem berkaitan penyediaan perjanjian pinjaman.

- 6.3 Walau bagaimanapun, amaun pinjaman yang akan diluluskan adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut:
- (i) Kelayakan maksimum (berdasarkan jadual kelayakan);
 - (ii) Harga hartanah;
 - (iii) Penilaian hartanah oleh BHMFB;
 - (iv) Peratusan jumlah potongan bulanan termasuk bayaran balik pinjaman perumahan daripada gaji kasar pemohon tidak melebihi had yang ditetapkan oleh Setiausaha Kerajaan Sarawak dari semasa ke semasa;
 - (v) Amaun pinjaman berikutnya adalah tertakluk kepada baki amaun kelayakan; dan
 - (vi) Jika pemohon menebus (*redemption*) pinjaman perumahan sedia ada, baki amaun pinjaman terbabit hendaklah diambil kira semasa mengira kelayakan maksimum untuk pinjaman perumahan berikutnya.

7. KADAR FAEDAH DAN SUBSIDI

- 7.1 Kadar faedah pinjaman perumahan di bawah Skim ini ditetapkan sebanyak 3% setahun atas baki berkurangan (*reducing balance*) setiap bulan.
- 7.2 Kerajaan Sarawak akan menanggung subsidi faedah pinjaman perumahan iaitu perbezaan antara kadar faedah 3% dan kadar faedah semasa yang dikenakan oleh BHMFB.
- 7.3 Pegawai yang dilantik secara peminjaman (*secondment*) ke Perkhidmatan Awam Sarawak daripada Badan Berkanun Sarawak atau Pihak Berkuasa Tempatan sahaja boleh melalui Ketua Jabatan (*receiving department*) memohon subsidi faedah pinjaman perumahan tertakluk kepada kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri. Jabatan asal (*parent department*) boleh mengemukakan tuntutan bayak balik (*reimbursement basis*) subsidi faedah pinjaman perumahan kepada Setiausaha Kewangan Negeri.
- 7.4 Pegawai yang dilantik secara peminjaman (*secondment*) ke Badan Berkanun Sarawak atau Pihak Berkuasa Tempatan daripada Perkhidmatan Awam Sarawak:

- (i) Ketua Jabatan hendaklah memaklumkan kepada Setiausaha Kewangan Negeri untuk memberhentikan subsidi faedah pinjaman perumahan di sepanjang tempoh peminjaman sekiranya pegawai terbabit mempunyai pinjaman perumahan sedia ada dengan BHMFB; dan
 - (ii) Ketua Badan Berkanun Sarawak atau Pihak Berkuasa Tempatan (*receiving agency*) hendaklah menanggung subsidi faedah pinjaman perumahan pegawai berkenaan di sepanjang tempoh peminjamannya.
- 7.5 Pengecualian kadar faedah 3% yang dikenakan kepada peminjam bagi peminjam yang terkesan akibat projek terbengkalai yang telah diperakukan atau disahkan oleh Pihak Berkuasa yang bertanggungjawab ke atas hal-ehwal perumahan boleh dipertimbangkan tertakluk kepada kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri.

8. PERLINDUNGAN INSURANS

- 8.1 Pemohon wajib mengambil *single premium insurance* yang ditawarkan oleh BHMFB seperti *Mortgage Decreasing Term Assurance* atau *Mortgage Reducing Term Takaful* yang dapat melindungi sepenuhnya pinjaman perumahan di bawah Skim ini.
- 8.2 Namun, bagi pemohon yang tidak dapat mengambil *single premium insurance* atas faktor kesihatan, insurans nyawa sedia ada boleh dipertimbangkan. Sekiranya pemohon juga tidak mempunyai insurans nyawa sedia ada, BHMFB boleh memberikan pengecualian keperluan insurans.
- 8.3 Bagi Pinjaman Bersama (*Joint Loan*), *single premium insurance* merujuk kepada perlindungan secara individu ke atas amaun pinjaman masing-masing.
- 8.4 Selain *single premium insurance*, pemohon juga wajib mengambil polisi insurans kebakaran yang ditawarkan oleh BHMFB.
- 8.5 Bagi pemohon yang meminjam di bawah kategori *Conventional Housing Loan*:
- (i) Amaun pinjaman boleh merangkumi kos insurans kecuali kos insurans kebakaran; dan

- (ii) Kos insurans kebakaran berkenaan perlu dibayar sendiri kepada BHMFB.

8.6 Manakala bagi pemohon yang meminjam di bawah kategori *Tawarruq Home Financing-i*, secara automatik amaun pinjaman akan merangkumi semua kos insurans.

9. TEMPOH BAYARAN BALIK

- 9.1 Pemohon yang bertaraf Tetap dan Berpencen hendaklah menyelesaikan pinjamannya dalam tempoh 40 tahun atau sebelum mencapai usia 70 tahun, atau mana yang terdahulu.
- 9.2 Pemohon yang bertaraf JBC hendaklah menyelesaikan pinjamannya dalam tempoh 40 tahun atau sebelum mencapai usia 70 tahun, atau mana yang terdahulu dan tertakluk kepada terma dan syarat tambahan yang ditetapkan oleh BHMFB.
- 9.3 Bagi pemohon di bawah Kontrak Jangka Panjang (*contract of service*), tempoh bayaran balik pinjaman perumahan adalah tertakluk kepada terma dan syarat kontrak pelantikan.

10. KAEDAH BAYARAN BALIK

- 10.1 Bayaran balik pinjaman perumahan dilaksanakan secara ansuran bulanan melalui potongan gaji atau potongan pencen (jika berkenaan).
- 10.2 Bayaran balik pinjaman perumahan secara sendiri atas sebab bersara awal, menyelesaikan amaun tertunggak atau membuat penyelesaian baki pinjaman boleh dilakukan secara tunai atau melalui pindahan wang atas talian (*online transfer*). Pemohon hendaklah berhubung terus dengan BHMFB mengenai kaedah bayaran tersebut.

11. PENANGGUHAN BAYARAN BALIK

- 11.1 Peminjam dibenarkan memohon penangguhan bayaran balik pinjaman perumahan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (i) Pegawai yang mengambil cuti belajar tanpa gaji atau cuti belajar separuh gaji bagi tempoh minimum satu (1) tahun untuk melanjutkan pelajaran di dalam negara atau di luar negara (Diploma/Ijazah/Sarjana/PhD).
 - (ii) Pegawai yang mengambil cuti tanpa gaji bagi tempoh minimum satu (1) tahun untuk menemani pasangan yang melanjutkan

pelajaran di dalam negara atau di luar negara (Diploma/Ijazah/Sarjana/PhD).

- (iii) Pegawai yang mengambil cuti tanpa gaji bagi tempoh minimum satu (1) tahun untuk menemani pasangan yang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia di luar negara.
- (iv) Pegawai yang mengambil cuti tanpa gaji atas sebab-sebab persendirian yang mustahak bagi tempoh satu (1) tahun.

- 11.2 Tempoh penangguhan bayaran balik pinjaman perumahan hanya dibenarkan mengikut tempoh cuti berkenaan yang diluluskan.
- 11.3 Kadar faedah 3% akan berterusan sepanjang tempoh penangguhan bayaran balik pinjaman perumahan.
- 11.4 Pemohon hendaklah membuat semula bayaran balik pinjaman perumahan sebaik sahaja tamat tempoh penangguhan.

12. KEMUNGKIRAN PERJANJIAN, PELETAKAN JAWATAN DAN PEMECATAN

- 12.1 Perjanjian pinjaman perumahan adalah terbatal sekiranya peminjam melakukan kemungkiran terhadap mana-mana syarat perjanjian yang telah ditandatangani.
- 12.2 Bagi peminjam yang memungkirkan perjanjian, meninggalkan perkhidmatan secara peletakan jawatan atau pemecatan, Kerajaan Sarawak tidak akan lagi menanggung subsidi faedah pinjaman perumahan.
- 12.3 Bagi peminjam yang mempunyai Pinjaman Bersama (*Joint Loan*) yang meninggalkan perkhidmatan secara peletakan jawatan atau pemecatan, peminjam-peminjam bersama adalah dibenarkan untuk mengambil alih baki Pinjaman Bersama terbabit tertakluk kepada perenggan 5.5.
- 12.4 BHMFB berhak mengarahkan peminjam secara bertulis untuk menyelesaikan baki pinjaman dalam tempoh yang ditetapkan.

13. KEMATIAN PEMINJAM

- 13.1 Apabila seseorang peminjam meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan:
 - (i) Jika terdapat baki wang pampasan daripada *single premium insurance* selepas penyelesaian penuh baki pinjaman perumahan, ianya akan dikembalikan kepada ahli keluarga/pewaris;

- (ii) Sekiranya wang pampasan daripada *single premium insurance* tidak mencukupi bagi menyelesaikan baki pinjaman perumahan, BHMFB akan berhubung dengan ahli keluarga/pewaris untuk menentukan kaedah penyelesaiannya. Walau bagaimanapun, BHMFB berhak melelong hartanah yang dicagarkan sebagai tindakan terakhir untuk menyelesaikan baki pinjaman perumahan.
- 13.2 Walau bagaimanapun, sementara menunggu penyelesaian penuh baki pinjaman perumahan si mati, Kerajaan Sarawak akan terus menanggung subsidi faedah pinjaman perumahan tertakluk kepada tempoh maksimum setahun (1) dari tarikh kematian peminjam.

14. MENJUAL RUMAH KEDIAMAN

- 14.1 Seseorang peminjam boleh, dengan kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri, menjual rumah kediamannya yang dimiliki di bawah Skim ini dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh perjanjian pinjaman. Sekiranya rumah kediaman itu dijual tanpa kelulusan, Setiausaha Kewangan Negeri berhak menuntut balik semua subsidi faedah pinjaman perumahan yang telah ditanggung oleh Kerajaan Sarawak berkuatkuasa dari tarikh bulan pertama bayaran balik pinjaman perumahan dibuat sehingga tarikh rumah kediaman itu dijual (mengikut tarikh perjanjian jual beli).
- 14.2 Seseorang peminjam boleh, tanpa kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri, menjual rumah kediamannya yang dimiliki di bawah Skim ini melebihi lima (5) tahun dari tarikh perjanjian pinjaman dengan syarat baki pinjaman diselesaikan.

15. TANGGUNGJAWAB PEMOHON

- 15.1 Pemohon adalah bertanggungjawab untuk mematuhi Surat Pekeliling ini dan memastikan dokumen dan maklumat yang dikemukakan adalah sahih dan benar.
- 15.2 Permohonan pinjaman perumahan hendaklah dikemukakan kepada BHMFB melalui *Government Officers' Housing Loan Application System (GOHLAS)*.

- 15.3 Bagi Pinjaman Bersama (*Joint Loan*), pemohon-pemohon hendaklah mengemukakan permohonan pinjaman perumahan melalui majikan secara individu dan menyatakan amaun pinjaman masing-masing.
- 15.4 Pemohon hendaklah merujuk senarai semak permohonan yang dinyatakan dalam *GOHLAS*.
- 15.5 Sebarang kos, selain subsidi faedah pinjaman perumahan, adalah ditanggung sepenuhnya oleh peminjam.

16. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan pemohon mematuhi Surat Pekeliling ini dan peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa sebelum memperakukan permohonan kepada BHMFB melalui *GOHLAS*.

17. TANGGUNGJAWAB BHMFB

BHMFB adalah bertanggungjawab untuk memastikan permohonan dikemukakan adalah lengkap berdasarkan senarai semak yang dinyatakan dalam *GOHLAS*.

18. KUASA SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI

- 18.1 Setiausaha Kewangan Negeri berhak meluluskan atau menolak sebarang permohonan; dan
- 18.2 Setiausaha Kewangan Negeri mempunyai kuasa untuk memutuskan apa-apa perkara yang berkaitan dengan Skim ini dan keputusan mengenainya adalah muktamad.

Disediakan oleh: Unit Kewangan
Bahagian Kewangan dan Pentadbiran
Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

JABATAN PREMIER SARAWAK

1. Setiausaha Kerajaan Sarawak
2. Timbalan Setiausaha Kerajaan Sarawak (Perancang Ekonomi dan Pembangunan)
3. Timbalan Setiausaha Kerajaan Sarawak (Operasi)
4. Timbalan Setiausaha Kerajaan Sarawak (Pentadbiran)
5. Pengarah, Unit Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
6. Pengarah, Unit Pentadbiran
7. Pengarah, Unit Perancang Ekonomi Sarawak
8. Pengarah, Unit Protokol, Istiadat dan Pengurusan Acara Sarawak
9. Pengarah, Unit Komunikasi Awam Sarawak
10. Pengarah, Unit Pemantauan Pelaksanaan Sarawak
11. Pengarah, Unit Keselamatan dan Penguatkuasaan Sarawak
12. Pengarah, Unit Audit Dalam
13. Pengarah, Unit Digitalisasi Perkhidmatan Awam Sarawak
14. Pengarah, Unit Transformasi dan Inovasi Sarawak
15. Pengarah, Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain
16. Pengarah, Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak
17. Pengarah, Unit Pengurusan Imigresen dan Buruh
18. Setiausaha, Majlis Adat Istiadat Sarawak
19. Ketua Pendaftar, Mahkamah Bumiputera Sarawak
20. Setiausaha Eksekutif, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

KEMENTERIAN

1. Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Sarawak
2. Setiausaha Tetap, Kementerian Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar Sarawak
3. Setiausaha Tetap, Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak
4. Setiausaha Tetap, Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan Sarawak
5. Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak
6. Setiausaha Tetap, Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak
7. Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan Sarawak
8. Setiausaha Tetap, Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak
9. Setiausaha Tetap, Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak
10. Setiausaha Tetap, Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak
11. Setiausaha Tetap, Kementerian Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak
12. Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak

JABATAN KERAJAAN

1. Peguam Besar Negeri
2. Akauntan Negeri Sarawak
3. Pengarah, Jabatan Kerja Raya Sarawak
4. Pengarah, Jabatan Pertanian Sarawak
5. Pengarah, Jabatan Tanah dan Survei Sarawak
6. Pengarah, Jabatan Hutan Sarawak
7. Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak
8. Pengarah, Jabatan Muzium Sarawak
9. Pengarah, Jabatan Agama Islam Sarawak
10. Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak
11. Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sarawak
12. Pengarah, Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak
13. Pengarah, Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak
14. Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak
15. Setiausaha Sulit Kanan, Pejabat Yang di-Pertua Negeri Sarawak
16. Mufti Negeri, Jabatan Mufti Negeri Sarawak
17. Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak
18. Setiausaha, Dewan Undangan Negeri Sarawak
19. Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak

RESIDEN

1. Residen Bahagian Kuching
2. Residen Bahagian Sri Aman
3. Residen Bahagian Sibu
4. Residen Bahagian Miri
5. Residen Bahagian Limbang
6. Residen Bahagian Sarikei
7. Residen Bahagian Kapit
8. Residen Bahagian Samarahan
9. Residen Bahagian Bintulu
10. Residen Bahagian Mukah
11. Residen Bahagian Betong
12. Residen Bahagian Serian

*Sila maklum kepada Pejabat Daerah / Daerah Kecil di bawah pentadbiran masing-masing

BADAN BERKANUN SARAWAK

1. Pengurus Besar, Lembaga Kemajuan Bintulu
2. Pengurus Besar, Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke
3. Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak
4. Pengurus Besar, Lembaga Pelabuhan Kuching
5. Pengurus Besar, Lembaga Air Kuching
6. Pengurus Besar, Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah
7. Pengurus Besar, Lembaga Pelabuhan Miri
8. *Controller*, Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak
9. Pengurus Besar, Lembaga Pelabuhan Rajang
10. Ketua Pegawai Eksekutif, Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak
11. Pengurus Besar, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak
12. Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Perhutanan Sarawak
13. Pengurus Besar, Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak
14. Pengurus Besar, Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak
15. *Controller*, Lembaga Sungai-Sungai Sarawak
16. Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Sukan Sarawak
17. Pengurus Besar, Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak
18. Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Pelancongan Sarawak
19. Pengurus Besar, Lembaga Air Sibu
20. Ketua Pegawai Eksekutif, Pustaka Negeri Sarawak
21. Pengarah, Yayasan Sarawak
22. Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah
23. Pengurus Besar, Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis
24. Pengurus Besar, Lembaga Pelabuhan Samalaju
25. Setiausaha, Majlis Islam Sarawak
26. Pengurus Besar, Sarawak Multimedia Authority
27. Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Seni Sarawak
28. Pengurus Besar, Majlis Penyelidikan dan Pembangunan Sarawak
29. Pengurus Besar, Majlis Kraf Sarawak
30. Pengurus Besar, Lembaga Industri Getah Sarawak
31. Pengurus Besar, Lembaga Kemajuan Sagu dan Nipah Sarawak

PIHAK BERKUASA TEMPATAN

1. Setiausaha Bandaraya, Majlis Bandaraya Kuching Selatan
2. Pengarah, Dewan Bandaraya Kuching Utara
3. Setiausaha Bandaraya, Majlis Bandaraya Miri
4. Setiausaha, Majlis Perbandaran Sibu
5. Setiausaha, Majlis Perbandaran Padawan
6. Setiausaha, Majlis Perbandaran Samarahan
7. Setiausaha, Majlis Daerah Dalat dan Mukah
8. Setiausaha, Majlis Daerah Kanowit
9. Setiausaha, Majlis Daerah Kapit
10. Setiausaha, Majlis Daerah Lawas
11. Setiausaha, Majlis Daerah Limbang
12. Setiausaha, Majlis Daerah Lubok Antu
13. Setiausaha, Majlis Daerah Lundu
14. Setiausaha, Majlis Daerah Maradong dan Julau
15. Setiausaha, Majlis Daerah Marudi
16. Setiausaha, Majlis Daerah Matu dan Daro
17. Setiausaha, Majlis Daerah Saratok
18. Setiausaha, Majlis Daerah Sarikei
19. Setiausaha, Majlis Daerah Serian
20. Setiausaha, Majlis Daerah Sri Aman
21. Setiausaha, Majlis Daerah Simunjan
22. Setiausaha, Majlis Daerah Subis
23. Setiausaha, Majlis Daerah Bau
24. Setiausaha, Majlis Daerah Betong
25. Setiausaha, Majlis Daerah Luar Bandar Sibu